

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit barah dan pesakit jantung yang menjalani rawatan di hospital Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kelewatan rawatan di hospital-hospital berkenaan. Rawatan ketika keadaan kesihatan yang merosot atau kritikal adalah tidak membantu.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Sejumlah 218,745 kes kanser baharu telah dilaporkan ke Daftar Kanser Kebangsaan di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya bagi tempoh 10 tahun mulai tahun 2007 sehingga 2016. Sementara itu, terdapat 55,988 lagi kes tahun 2017 sehingga 2020 yang telah dilaporkan ke Daftar Kanser Kebangsaan dan bilangan kes bagi tahun 2017 hingga 2020 ini adalah merupakan bilangan notifikasi yang belum diterima sepenuhnya.

2. Pada masa ini, terdapat 6 buah pusat rawatan kanser di Malaysia iaitu Institut Kanser Negara (IKN), Hospital Kuala Lumpur, Hospital Pulau Pinang, Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Likas dan Hospital Umum Sarawak, Kuching. Selain itu, perkhidmatan rawatan kimoterapi untuk pesakit kanser juga ada disediakan di hospital-hospital KKM.

3. KKM juga menyumber luar perkhidmatan rawatan kanser dari 5 buah hospital swasta bagi rawatan Radical Radiotherapy, Palliative Radiotherapy dan Brachytherapy.
4. KKM juga dalam perancangan membina dua lagi pusat rawatan kanser, iaitu di zon utara (Hospital Sungai Petani) dan di zon timur (Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan) yang telah dicadangkan di dalam RMKe-12 dan kertas kerja bagi cadangan ini sedang di sediakan.
5. Semua rawatan susulan termasuk kes rujukan baru tetap dijalankan seperti biasa dalam tempoh PKP. Secara amnya, masa menunggu pesakit bagi rawatan kali pertama adalah dalam tempoh 2 minggu dan ia tidak terjejas. Bagi pesakit yang mengalami kesukaran berulang-alik untuk rawatan susulan, pihak hospital menyediakan perkhidmatan tele-konsultasi. Sekiranya didapati pesakit memerlukan rawatan lanjutan atau kecemasan, mereka akan dirujuk ke hospital berdekatan.
6. Manakala, sebanyak 403,948 pesakit jantung telah menjalani rawatan di hospital Kerajaan di Malaysia. Semua pesakit jantung yang datang ke hospital Kerajaan akan dirawat dengan segera sama ada melalui rawatan perubatan atau *catheterization*. Namun begitu, pesakit yang tidak akut dan memerlukan rawatan secara invasif akan dimasukkan ke dalam senarai elektif dan dijalankan secara berjadual.
7. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi kelewatan rawatan dan menampung peningkatan pesakit jantung di Malaysia seperti:
 - i. Menyediakan perkhidmatan ICL (*Invasive Cardiac Lab*) di sepuluh (10) buah hospital iaitu Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Hospital Pulau Pinang, Hospital Raja Perempuan Bainun Ipoh, Hospital Serdang, Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu, Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Hospital Queen Elizabeth 2 Kota Kinabalu dan Hospital Umum Sarawak.

SOALAN NO : 434

- ii. Bagi hospital-hospital yang tidak mempunyai pakar kardiologi, perkhidmatan peluasan melalui kaedah kluster telah dijalankan supaya lebih banyak hospital dapat menerima manfaat. Lawatan pakar kardiologi secara berkala turut diberikan kepada 18 buah hospital lagi yang tidak mempunyai kepakaran.
- iii. Bagi memastikan perkhidmatan rawatan penyakit jantung yang berkesan, rangkaian fast track (STEMI network) telah diwujudkan agar pesakit jantung akut yang didiagnosa di dalam fasiliti kesihatan primer dapat dirujuk dan dirawat dengan kadar segera bagi mengurangkan morbiditi dan mortaliti.
- iv. Bagi menampung peningkatan pesakit jantung di Malaysia, Kerajaan juga telah melanjutkan waktu perkhidmatan rawatan invasif secara elektif pada hari Sabtu dan mendapatkan perkhidmatan peyumberan luar (*outsourcing services*) terutamanya di Institut Jantung Negara.

Sekian, terima kasih.